

Politeknik Malaysia raih emas regu sepak takraw

Izzali Ismail - September 9, 2024 @ 6:41pm
bhsukan@bh.com.my



Pasukan sepak takraw Politeknik Malaysia merangkul emas acara regu saingan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2024. - Foto NSTP/Izzali Ismail

SINTOK: Politeknik Malaysia merangkul pingat emas buat kali pertama dalam acara regu sepak takraw Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2024 dengan menewaskan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada acara akhir di Dewan Tan Sri Othman, UUM petang tadi.

Pemain Politeknik B yang terdiri daripada Syafiq Mustakim Md Saad, Muhammad Iman Hakimi dan Muhammad Syahir Izzran mengatasi UPM B yang diwakili Najmi

Syafiq Anuar, Kahirul Hafifi Tajudin dan Muhammad Haikal Huzaimi dengan keputusan 15-13, 15-13.

Menurut pengurus pasukan Politeknik Malaysia, Mohd Tajudin Ahmad, beliau bersyukur dengan pencapaian pasukannya yang berjaya melakar emas sulung dalam acara sepak takraw sejak kejohanan SUKIPT bermula pada tahun 2012.

"Walaupun terpaksa berdepan dengan tentangan sengit daripada semua pasukan dalam acara sepak takraw ini, saya bersyukur kami dapat menggenggam dan membawa pulang emas buat kali pertama dalam kejohanan SUKIPT ini.

"Pencapaian emas ini umpama magis buat pasukan Politeknik Malaysia yang sebelum ini belum pernah merasai pingat emas, dan saya berbangga dengan semangat dan kesungguhan yang ditunjukkan semua pemain pada hari ini," kata Tajudin.

Gangsa acara regu pula diraih Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang menewaskan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan keputusan 15 -13, 17-15, 15 -12.

Sementara itu, pasukan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) berjaya membawa pulang pingat emas untuk acara beregu atau double selepas menewaskan pasukan UiTM dengan keputusan 15-8, 15-10.

Dua pemain terbaik yang dinobatkan pada acara sepak takraw ini ialah Muhammad Iman Hakimi dari Politeknik Malaysia dan Mohamad Haizam Huzairi Saipul Nizam dari UPNM yang turut membawa pulang wang tunai RM200 setiap seorang.